

Usah sangsi keupayaan bahasa Melayu

Komentari



Teo Kok Seong

Penulis Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan EXCO Majlis Profesor Malaysia

Sudah banyak kali kita mendengar cemuhan setengah rakyat terhadap kalangan kita sendiri yang tidak cekap berbahasa Inggeris. Terbaharu, ia dilemparkan kepada rakyat kita yang menerima anugerah bola sepak dunia ketika beliau berucap dalam bahasa Inggeris.

Tidak cukup dengan itu, mereka menyalahkan sistem pendidikan yang rata-ratanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar secara dominan mulai 1970-an. Mereka sempat menggunakan ruang untuk menegaskan pentingnya bahasa Mandarin sebagai bahasa antarabangsa yang tidak boleh dikesampingkan dalam sistem pendidikan.

Tidak dinafikan dua bahasa itu dan juga sebilangan lain penting pada masa ini sehingga diberi tempat sewajarnya dalam dasar bahasa di negara ini. Bahasa Inggeris diberi kedudukan kedua terpenting selepas bahasa Melayu yang juga bahasa negara, manakala Mandarin hanya bahasa vernakular kaum Cina walaupun ia bahasa negara China dan antara bahasa terbesar di dunia. Ia hendaklah difahami dengan baik agar jati diri sebagai warga negara sentiasa fundamental sifatnya dalam negara sendiri dan identiti nasional jitu pada setiap waktu pada pandangan pihak luar.

Mengapakah ketidakcekapan berbahasa Inggeris dijadikan isu oleh mereka yang sebahagiannya tidak pun cekap berbahasa Melayu? Tidak pun menjadi ma-

salah kepada mereka apabila ada pemimpin yang masih tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik atau sengaja memilih tidak menggunakan bahasa Melayu ketika menjalankan tugas rasmi. Jarang kita dengar sebarang cemuhan kecuali daripada penggiat bahasa Melayu. Mengapa wujudnya dua reaksi berlainan?

Pemikiran salah

Bukan sahaja ia tidak adil, bahkan tidak bermoral. Ketidakecekapan dalam bahasa asing dice-muh, manakala ketidakcekapan dalam bahasa negara sendiri tidak dianggap kesalahan. Reaksi berlainan memperlihatkan implikasi lebih besar daripada tidak adil dan bermoral. Secara psikologi ia menunjukkan wujudnya prinsip salah dalam pemikiran mereka. Ini dilihat dengan jelas apabila mereka berhujah nilai ekonomi bahasa Melayu tidak dapat menandingi bahasa Inggeris dan Mandarin.

Walaupun benar, mereka sepatutnya mengetahui peranan bahasa negara yang tiada tolok bandingnya dalam menghubungkan rakyat dengan tanah air, selain melindungi sejarah negara tercinta dalam konteks mengekalkan identiti budaya rakyat dan negara. Nampaknya mereka tersisih jauh daripada kebenaran yang rata-ratanya dikongsi sebahagian besar rakyat Malaysia.

Lebih penting, ke mana perginya perasaan nasionalisme dan patriotisme mereka yang sanggup membelakangkan baha-

sa negara sendiri untuk mengangkat bahasa lain dalam hal kenegaraan pada tempat yang memerlukan penggunaan bahasa Melayu. Walaupun mereka tidak ramai, tindakan segelintir sudah cukup parah memperlihatkan kegagalan kita membentuk negara bangsa kental jati diri primordial Nusantara, beridentiti budaya Malaysia jitu dan beridentiti nasional penuh aspirasi.

Dengan sesetengah kita sentiasa menjulang kehebatan bahasa Inggeris secara membabi buta tanpa mengetahui batasan dan kesannya, kita mempunyai masalah besar dalam membentuk negara bangsa agar rakyat memiliki dan mempamerkan keterikatan utuh sebagai kelompok sosiobudaya yang berkongsi dan menghargai sejarah, pertiwi, tradisi dan nilai lampau. Kita gagal menjadikan setiap rakyat berkongsi dan menghayati ideologi sepunya merangkumi set pemahaman dan aspirasi serta perasaan dan gagasan bahasa Melayu sebagai bahasa negara.

Gagal wujud peribadi kebangsaan

Setelah sekian lama kita membentuk negara bangsa agar rakyat bangga, sayang dan setia kepada pelbagai entiti negara, kita belum berjaya mewujudkan keperibadian kebangsaan sebegitu dalam kalangan warga yang secara kolektifnya memiliki dan mempamerkan pemikiran dan tingkah laku progresif ekoran pemahaman mendalam tentang peranan bahasa negara dalam membina dan menyerlahkan jati

diri primordial, identiti budaya dan identiti nasional.

Sepatutnya setelah menghuni dalam satu kawasan politik sama, terdedah kepada pengaruh sejarah dan pertiwi serupa, terikat dengan satu sistem perundangan, setiap rakyat sewajarnya memperlihatkan perwatakan sama dengan mendukung ciri positif sepunya bahasa Melayu sebagai entiti kebahasaan negara yang terpenting. Malangnya ini tidak berlaku.

Untuk ini, satu formula nasional bahasa Melayu sebagai bahasa negara perlu segera diwujudkan untuk diketengahkan sebagai gagasan mantap dan citra teguh yang benar dari segi hakikatnya untuk diamalkan dalam kehidupan harian. Sehubungan ini, paraphernalia nasional yang mengandungi segala perkakas yang didapati perlu dalam memupuk perasaan bangga, sayang dan setia kepada bahasa sebagai bahasa negara, hendaklah ikut dicipta.

Formula dan paraphernalia ini didapati wujud dalam kebanyakan proses pembentukan negara bangsa di seluruh dunia, walaupun dalam negara yang ekapuak seperti Korea, yang secara signifikan dilangsaikan melalui sistem pendidikan masing-masing.

Bagi Malaysia, dua perkara ini dapat diwujudkan dengan segera melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris yang menjadi antara komponen penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.